MKT jalin usaha sama dengan syarikat Yemen

UM 7 APR 2000

Oleh JOHARDY IBRAHIM

KUALA LUMPUR 6 April — Pengeluar produk penyamaran ketenteraan tunggal Malaysia, Metro Koats Technology (MKT) Sdn. Bhd. akan menjalin usaha sama dengan sebuah syarikat Yemen bagi mengeluarkan produk tersebut di Asia Tengah.

Pengarah Urusan MKT, Yusseri Said berkata, sebagai permulaan sebanyak RM2 juta akan dilaburkan bersama syarikat United Co. For Industrial Metal, Yemen bagi membina kilang di negara itu.

Beliau berkata, pembinaan kilang di Yemen membabitkan kompleks perkilangan seluas 1,380 meter persegi.

Katanya, MKT dan United Co. akan memeterai memorandum persefahaman (MoU) pada 1 1 April ini, sempena pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2002 di Pusat Pameran Antarabangsa MINES, Seri Kembangan di sini.

Menurutnya, MKT mengeluarkan cat kenderaan pembalikan cahaya inframerah dan merupakan pembekal tunggal kepada Angkatan Tentera Malaysia sejak 1997.

Beliau berkata, teknologi itu dimaju dan dibangunkan sendiri menerusi penyelidikan dan pembangunan oleh tenaga pakar tempatan MKT.

"Usahasama syarikat Yemen itu memberi peluang kepada MKT untuk memasarkan dan memindahkan produk teknologi ke negara tersebut.

"Selain itu, ia menjadikan Yemen sebagai pintu pasaran MKT ke negara Asia Tengah," katanya kepada *Utusan* di sini, hari ini.

MKT turut mengeluarkan peralatan penyamaran untuk kenderaan iaitu jaring, kanvas, ccrmin depan dan tayar, termasuk penyamaran kulit.

Yusseri berkata, jalinan kerjasama MKT dcngan syarikat Yemen adalah hasil kunjungan bersama delegasi Malaysia diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kc negara berkenaan Ogos tahun lalu.

"MKT berpeluang memperkenalkan produk keluaran kami dan berjaya menarik minwt masyarakat perniagaan Yemen sehingga mencapai tahap hari ini," katanya.

Mengenai syarikat Yemen tersebut. beliau berkata, walaupun perniagaan utama United Co. For Industrial Metal adalah besi keluli, ia memiliki cabang untuk membangunkan sektor ketenteraan negara itu.